



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI





MODEL HAFAZAN AL-QURAN

موديل حفظ القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria
Nor Aisah binti Abu Samah



MODEL HAFAZAN AL-QURAN

موديل حفظ القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

Penulis :

**Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria
Nor Aisah binti Abu Samah**

MODEL HAFAZAN AL-QURAN

موديل حفظ القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebaran alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terlebih dahulu.

Model Hafazan Al-Quran Techno Huffaz

Ketua penulis	: Muhamd Sofiyuddin bin Zakaria
Penulis	: Nor Aisah binti Abu Samah
Editor dan pereka letak	: Ainoor Mahfuzah binti Ahmad

No eISBN : 978-967-0032-17-7

Terbitan pertama 2022

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Persiaran Usahawan,

Seksyen U1

40150 Shah Alam

Selangor

Telephone No. : +603 5163 4000

Fax No. : +603 5569 1903



9 7 8 9 6 7 0 0 3 2 1 7 7



Techno Huffaz

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

MODEL HAFAZAN AL-QURAN

مُودِيل حفظ القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Hanya pada-Nya kami panjatkan kesyukuran kerana dengan izin-Nya, kami berjaya menghasilkan sebuah buku yang bertajuk **Model Hafazan Al-Quran Techno Huffaz** bagi program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-Politeknik (PSA).

Buku ini memuatkan panduan hafazan kepada pelajar Techno Huffaz yang merangkumi skop pengajian tahfiz, amalan hafazan, formula hafazan dan juga adab-adab penghafal al-Quran. Di samping itu, disediakan petua-petua menghafal al-Quran serta pautan untuk pembaca berinteraksi secara terus dengan para penulis. Buku ini juga merupakan satu rujukan utama kepada masyarakat untuk mengetahui sistem pengajian program Techno Huffaz di PSA.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan buku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung bermula dari perancangan, penulisan, penambahbaikan sehingga kepada penerbitan. Diharap dengan penghasilan buku ini, dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak yang berkenaan khususnya para pelajar dan pensyarah tahfiz di PSA bagi perlaksanaan pengajian tahfiz agar bertepatan dengan proforma yang telah ditetapkan oleh Darul Quran JAKIM serta selari dengan ketetapan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi.

MODEL HAFAZAN AL-QURAN

مُودِيل حفظ القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA

Ketua Penulis



Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan Dakwah (Darul Quran JAKIM), Sarjana Muda Fiqh dan Usul (Shariah), Universiti Mu'tah Jordan dan Sarjana Pengajian Islam (Shariah) di UKM.

Beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi selama 7 tahun serta berpengalaman dalam pengurusan tahfiz di peringkat politeknik.

Beliau merupakan **Ketua Kursus Program Techno Huffaz** Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Penulis

Nor Aisah binti Abu Samah berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan Al-Qiraat (Darul Quran JAKIM) dan Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia selama 12 tahun.

Kini, beliau bertugas sebagai **Pensyarah Kanan** di Jabatan Pengajian Am dan **merupakan pensyarah Program Techno Huffaz** Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



MODEL HAFAZAN AL-QURAN

موديل حفظ القرآن

TECHNO HUFFAZ PSA


BAB 1: SKOP PENGAJIAN	3
• Skop hafazan	4
• Kaedah penilaian	5
• Kalender sukatan hafazan	6
BAB 2: AMALAN HAFAZAN AL-QURAN	
TECHNO HUFFAZ PSA	
• Kelas tasmik	9
• Tanggungjawab pelajar	11
• Tanggungjawab pensyarah	15
• Rutin harian pelajar Techno Huffaz	17
• Cabaran pelajar Techno Huffaz	19
BAB 3: FORMULA HAFAZAN AL-QURAN	
• Langkah 1	22
• Langkah 2	24
• Langkah 3	26
• Langkah 4	30
• Langkah 5	32
BAB 4: ADAB PENGHAFAL AL-QURAN	35
• Keutamaan menghafal al-Quran	
• Adab menghafal al-Quran	
RUJUKAN	41

01

SKOP PENGAJIAN

Intipati
Topik

1. Skop hafazan bagi Kursus Hifz Al-Quran
2. Sistem peperiksaan dan kaedah penilaian kursus Hifz Al-Quran
3. Kalendar sukatan hafazan kursus Hifz Al-Quran.





01

SKOP PENGAJIAN

PENDAHULUAN

Kursus Hifz Al-Quran merupakan kursus teras dalam program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-Politeknik di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ([PSA](#)) atau dikenali sebagai [Techno Huffaz](#). Proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus ini berbentuk hafazan yang merangkumi dua aspek penilaian iaitu lisan (*Hifz Al-Quran Syafawi*) dan tulisan (*Hifz Al-Quran Tahriri*).

SKOP HAFAZAN

Kursus ini dibahagikan kepada lima pecahan bermula Hifz Al-Quran 1 sehingga Hifz Al-Quran 5 dan pelajar perlu memperdengar hafazan (tasmik) dan melengkapkan penulisan ayat-ayat al-Quran berdasarkan pembahagian mengikut semester. Pelaksanaan kursus ini menekankan tiga objektif utama iaitu:

- i. **Melahirkan para Huffazul Quran**
- ii. **Memelihara Al-Quran daripada berlaku penyelewengan**
- iii. **Menunaikan tuntutan fardu kifayah**

➤ Berikut adalah pembahagian skop hafazan program Techno Huffaz PSA:

SEMESTER	KURSUS	SKOP HAFAZAN
1	Hifz Al-Quran Syafawi 1 Hifz Al-Quran Tahriri 1	JUZUK 1-6
2	Hifz Al-Quran Syafawi 2 Hifz Al-Quran Tahriri 2	JUZUK 7-12
3	Hifz Al-Quran Syafawi 3 Hifz Al-Quran Tahriri 3	JUZUK 13-18
4	Hifz Al-Quran Syafawi 4 Hifz Al-Quran Tahriri 4	JUZUK 19-24
5	Hifz Al-Quran Syafawi 5 Hifz Al-Quran Tahriri 5	JUZUK 25-30



01

SKOP PENGAJIAN

KAEDAH PENILAIAN

Terdapat dua (2) jenis kaedah penilaian iaitu

- Penilaian Berterusan (30%)
- Peperiksaan Akhir (70%).

Peperiksaan akhir akan diadakan pada minggu peperiksaan dan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Darul Quran JAKIM. 

Penilaian berterusan merangkumi kuiz, latihan, ujian serta pembentangan.

LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN

1) Hifz Al-Quran Syafawi

- Memenuhi proses *talaqi*, *tasmik* dan *i'adah* daripada pensyarah.
- Menghabiskan sukatan hafazan yang ditetapkan.
- Kehadiran kursus minimum 85%.
- Melaksanakan Penilaian Berterusan.

2) Hifz Al-Quran Tahriri

- Memenuhi proses penulisan ayat al-Quran mengikut Rasm Uthmani dan disemak oleh pensyarah.
- Menghabiskan sukatan hafazan yang ditetapkan.
- Kehadiran kursus minimum 85%.
- Melaksanakan Penilaian Berterusan.



Klik atau imbas
QR Code 

KUIZ PENGUKUHAN HAFAZAN

PENTING!

Pelajar wajib menghabiskan sukatan hafazan untuk menduduki Peperiksaan setiap semester



01

SKOP PENGAJIAN

SYARAT LULUS PEPERIKSAAN

Pelajar LULUS penilaian sesuatu kursus jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- Kehadiran kursus minimum 85% (prasyarat).
- Memperolehi markah keseluruhan (PB & PA) minima 55 markah.

JUMLAH MARKAH, GRED, MATA NILAIAN DAN TARAF PENCAPAIAN

JUMLAH MARKAH	GRED	MATA NILAIAN	TAHAP PENCAPAIAN
90-100	A	4.0	Mumtaz/ Cemerlang
80-89	B+	3.5	Jayyid Jiddan/ Kepujian Atas
70-79	B	3.0	Jayyid/ Kepujian
60-69	C+	2.5	Maqbul/ Lulus
55-59	C	2.0	Maqbul/ Lulus
0-54	F	0	Rasib/ Gagal

- **Talaqi:** Proses bacaan Al-Quran bersemuka pelajar dan pensyarah
- **Tasmik:** Proses pelajar memperdengar hafazan di hadapan pensyarah
- **I'adah:** Proses pengulangan ayat-ayat al-Quran yang telah dihafal dan telah melalui proses tasmik.

Faham Istilah



01

SKOP PENGAJIAN

KALENDAR SUKATAN HAFAZAN

Sila imbas atau klik QR
Code untuk dapatkan
sukatan hafazan terkini.

SUKATAN SEMESTER 1



Klik atau imbas
QR Code



SUKATAN SEMESTER 2

Klik atau imbas
QR Code

SUKATAN SEMESTER 3



Klik atau imbas
QR Code



SUKATAN SEMESTER 4

Klik atau imbas
QR Code

SUKATAN SEMESTER 5



Klik atau imbas
QR Code



01

SKOP PENGAJIAN

KESIMPULAN

Hifz Al-Quran merupakan kursus teras bagi pengajian tahfiz al-Quran di PSA. Selain itu, terdapat beberapa subjek lain yang melengkapkan program Techno Huffaz ini. Pelajar-pelajar Techno Huffaz yang berjaya menghabiskan hafazan 30 juzuk al-Quran dan lulus setiap peperiksaan yang dilaksanakan oleh Darul Quran akan memperolehi Sijil Tahfiz al-Quran JAKIM-Politeknik.

**إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ
الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا**

Maksud: Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (Agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

Surah Al-Isra' 17:9



Panduan Hafazan Techno Huffaz

4 members

Jom berinteraksi! Sila klik atau imbas



Scan Me

02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

*Intipati
Topik*

1. Amalan dan pelaksanaan kelas tasmik Techno Huffaz
2. Tanggungjawab pelajar dan pensyarah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran
3. Rutin harian pelajar-pelajar Techno Huffaz





02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

PENDAHULUAN

Pelaksanaan sistem hafazan al-Quran [Techno Huffaz PSA](#) adalah mengikut ketetapan yang telah dikeluarkan oleh Darul Quran JAKIM dengan mengambil kira kesesuaian sistem pengajian Diploma Politeknik di PSA dan diolah mengikut kewajaran serta situasi semasa di PSA. Pelajar-pelajar Techno Huffaz PSA dapat mengambil manfaat daripada garis panduan dan amalan ini sepanjang pengajian mereka di PSA.

KELAS TASMIK

Pelaksanaan kelas tasmik di PSA adalah pada setiap Hari Isnin hingga Jumaat bermula pada jam 8 pagi dan berakhir pada jam 10 pagi. Kelas tasmik adalah medan untuk pelajar memperdengar hafazan mereka di hadapan pensyarah. Kelancaran, tajwid dan kefasihan menjadi aspek penting yang akan diperhatikan oleh pensyarah ketika mendengar hafazan pelajar. Hafazan yang lancar akan direkodkan oleh pensyarah dan selepas itu, pelajar berkenaan dibenarkan untuk memulakan hafazan yang baru untuk diperdengarkan kepada pensyarah pada sesi kelas tasmik berikutnya.



PENTING!

Sesi kelas tasmik adalah waktu penting untuk pelajar melazimi hafazan al-Quran. Wajib hadir!



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

PERATURAN KELAS TASMIK

- Pelajar perlu berada di dalam kelas tasmik 10 minit sebelum jam 8 pagi.
- Kehadiran ke kelas tasmik adalah diwajibkan kecuali jika terdapat alasan yang dibenarkan.
- Pelajar perlu mengemukakan surat cuti/sakit kepada pensyarah masing-masing jika tidak dapat menghadirkan diri ke kelas tasmik.
- Peratusan kehadiran (85%) dikira sebagai salah satu syarat untuk menduduki peperiksaan Hifz Al-Quran.
- Tidak dibenarkan berada di Kamsis ketika kelas tasmik sedang berlangsung.
- Memperdengar sekurang-kurangnya 2 muka surat hafazan al-Quran di hadapan pensyarah dan pencapaian tersebut akan direkod oleh pensyarah di dalam buku rekod tasmik harian.
- Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan kelas tasmik sebelum jam 10 pagi.
- Berpakaian rasmi kuliah atau pakaian yang dibenarkan.



4 AGENDA KELAS TASMIK TECHNO HUFFAZ PSA



LANCARKAN
AYAT HAFAZAN
SEMASA



PERDENGARKAN
BACAAN AYAT
HAFAZAN SEMASA



ULANG AYAT
HAFAZAN
SEMALAM



PENULISAN
AYAT HAFAZAN

Fokus: 4 agenda yang perlu dicapai oleh pelajar Techno Huffaz sepanjang kelas tasmik berlangsung.



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Berikut adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pelajar-pelajar Techno Huffaz PSA dalam proses menghafal al-Quran.

SEBELUM SESI TASMIK

- Melancarkan bacaan (melihat mashaf) serta memastikan tiada kesalahan dalam bacaan sebelum mula menghafal.
- Memilih masa dan tempat yang sesuai untuk menghafal ayat-ayat al-Quran.
- Menggunakan mashaf yang bersesuaian untuk digunakan semasa proses menghafal.
- Mengaplikasi teknik-teknik hafazan al-Quran yang bersesuaian dengan kekuatan dan situasi masing-masing.



- Mengulang bacaan (*tikrar*) hafazan beberapa kali bagi memastikan kelancaran hafazan terhadap ayat-ayat yang akan diperdengarkan semasa sesi tasmik.



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

SEBELUM SESI TASMIK

- Memperdengar hafazan dihadapan rakan sebelum membaca di hadapan pensyarah.
- Penulisan (*Tahriri*): Tulis ayat-ayat yang hendak ditasmik mengikut sukanan hafazan dalam buku tahriri terlebih dahulu kemudian menghafaz ayat-ayat. Pelajar juga boleh menghafaz ayat-ayat terlebih dahulu kemudian disusuli dengan menulis ayat tersebut.
- Menjaga adab-adab dan akhlak sebagai seorang penghafal al-Quran.



TIPS PEMILIHAN MASA

- Waktu terbaik: Sebelum dan selepas subuh sehingga jam 7 pagi
- Waktu di antara Maghrib dan Isyak.
- Kenal pasti tempoh waktu yang perlu digunakan untuk menghafal supaya dapat memilih masa yang terbaik.



TIPS PEMILIHAN TEMPAT

- Pilih tempat yang mempunyai suasana al-Quran.
- Elakkan menghafal di tempat yang bising, melalaikan dan tempat kotor.
- Memilih tempat bersuji persekitaran yang tidak terlalu sejuk dan tidak terlalu panas.



Panduan Hafazan Techno Huffaz
4 members

Jom berinteraksi! Sila klik atau imbas





02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

SEMASA SESI TASMIK

- Pelajar wajib memperdengar 2 muka surat setiap hari (hari bekerja).
- Pelajar memperdengar bacaan dengan suara yang baik, jelas serta menepati disiplin ilmu tajwid yang betul.
- Pelajar perlu membaca mengikut kadar bacaan *tadwir* dengan riwayat [Hafs An Asim. \(Thoriq As-Syatibiyah\)](#);
- Pelajar wajib memperdengar hafazan sekurang-kurangnya satu muka surat dalam satu masa.
- Pelajar perlu mengambil perhatian kesalahan yang ditegur oleh pensyarah dan menanda kesalahan tersebut pada mashaf.

- **Mashaf:** Naskhah al-Quran yang bertulis
- **Bacaan tadwir:** Tingkatan sederhana(kadar kelajuan) membaca al-Quran. Tidak terlalu laju dan tidak terlalu perlahan.
- **Riwayat Hafs An Asim:** Riwayat pembacaan al-Quran yang sahih, terpelihara dan bersambung sanadnya daripada qiraat Imam 'Asim sehingga kepada Rasulullah SAW.

Faham Istilah

PENTING!

Pelajar wajib menghabiskan sukanan hafazan untuk menduduki Peperiksaan setiap semester




02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

SELEPAS SESI TASMIK

- Pelajar dikehendaki melakukan *i'adah* (pengulangan) setiap minggu bagi mengekalkan ingatan terhadap ayat-ayat yang telah dihafal.
- Melakukan *i'adah* hafazan yang baru (tasmik harian) sebelum memulakan hafazan yang baru untuk sesi tasmik yang berikutnya.
- Proses *i'adah* perlu dicatat memudahkan perancangan *i'adah* hafazan lama dan hafazan baru.
- Pelajar perlu mengemaskini penulisan ayat-ayat hafazan yang lama sebelum menulis ayat-ayat hafazan yang baru.
- Penulisan (*Tahriri*): Ayat-ayat hafazan yang telah ditulis perlu dihantar kepada pensyarah tasmik masing-masing untuk disemak dan dibuat pengesahan. Jika ada kesilapan, pelajar perlu mengemaskini penulisan tersebut.
- Penghantaran buku *tahriri* untuk semakan adalah ditetapkan pada Hari Isnin setiap minggu.



PENTING!

Pelajar wajib menyelesaikan penulisan (*Tahriri*) mengikut sukatuan sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan.



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

TANGGUNGJAWAB PENSYARAH

- Menentukan sukatan hafazan pelajar.
- Membimbing pelajar dengan bacaan mengikut disiplin ilmu tajwid yang betul.
- Memberi panduan berkenaan ayat-ayat *mutasyabihat* (*mutasyabihat alfaz*), ayat *gharib* (*gharib alfaz*) dengan menunjukkan tempat-tempat yang perlu diberi penekanan dalam hafazan.
- Menyemak serta merekod hafazan yang diperdengarkan oleh pelajar semasa sesi tasmik berlangsung serta membuat semakan buku tahriri pelajar.
- Memantau proses i'adah hafazan pelajar.
- Tegas dengan kelancaran hafazan pelajar dan membuat teguran terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

PRAKTIK

- ❑ Memberi teguran kepada pelajar dengan cara tidak langsung iaitu seperti ketuk meja, menepuk tangan, berdeham atau sebagainya tanpa membacakan ayat.
- ❑ Soal jawab hukum tajwid berdasarkan ayat yang dibaca oleh pelajar.
- ❑ Sesi *talaqi*, menunjukkan cara bacaan yang betul kepada pelajar.
- ❑ Sesi perbincangan berkaitan ayat-ayat *mutasyabihat* serta kefahaman ayat-ayat al-Quran antara pensyarah dan pelajar.



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

TANGGUNGJAWAB PENSYARAH

- Memastikan pelajar berjaya menghabiskan sukatan hafazan supaya dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.
- Menentukan markah penilaian berterusan sebanyak 30%.
- Melaporkan prestasi hafazan pelajar Techno Huffaz kepada pihak Darul Quran JAKIM.

KESALAHAN BESAR

- Setiap kesalahan hafazan, pelajar diberi peluang untuk memperbetul kesalahan sebanyak 3 kali. Jika gagal, pensyarah akan memberi teguran dan pelajar berkenaan dikira telah melakukan satu kesalahan dalam hafazan.
- Pelajar tidak boleh melakukan kesalahan hafazan melebihi 3 kali.

Contoh kesalahan:

- Tidak boleh menyambung ayat
- Kesalahan perkataan, huruf dan baris

KESALAHAN KECIL

- Pelajar diberi peluang memperbetul kesalahan sebanyak 3 kali. Jika gagal memperbaiki bacaan, teguran akan diberikan dan dikira sebagai satu kesalahan.
- Jika pelajar membuat 5 kali kesalahan, pelajar diminta untuk kembali ke tempat duduk dan melancarkan kembali hafazan dan hadir untuk tasmik kali kedua setelah lancar.

Contoh kesalahan:

- Harakat mad dan dengung tidak sempurna
- Makhraj huruf tidak tepat



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

RUTIN HARIAN PELAJAR TECHNO HUFFAZ

Perancangan jadual harian yang baik sangat penting bagi pelajar yang bergelar Huffazul Quran. Pelajar-pelajar Techno Huffaz PSA perlu menjalani rutin harian yang tersusun agar dapat membantu mengecapi kejayaan sebagai graduan Tahfiz-TVET yang cemerlang berciri holistik. Berikut adalah cadangan rutin harian pelajar Techno Huffaz PSA yang boleh dijadikan panduan.

RUTIN HARI KULIAH

Konsisten dan berdisiplin mematuhi rutin kunci untuk menggenggam kejayaan.

MASA	AKTIVITI	CATATAN
5.30 pagi	Bangun pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Persiapan sebelum menunaikan solat subuh
6.00 pagi	Solat Subuh	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Dilaksanakan secara berjemaah di Pusat Islam
6.30 pagi	Hafazan al-Quran	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghafal/ melancarkan hafazan semasa sebelum sesi tasmik berlangsung
7.15 pagi	Persiapan ke kelas tasmik	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sarapan ▪ Memakai pakaian bersesuaian ▪ Bersedia untuk hadir awal ke kelas tasmik
8.00 pagi - 10.00 pagi	Kelas tasmik/ halaqah hafazan al-Quran	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Melancarkan hafazan ▪ Tasmik dengan rakan ▪ Tasmik dengan pensyarah ▪ Muraja'ah hafazan semasa atau hafazan lama ▪ Sesi perbincangan hukum tajwid serta kefahaman ayat antara pensyarah dan pelajar



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

Cadangan rutin harian

Rutin boleh diubah
mengikut kesesuaian dan
susunan masa pelajar
Techno Huffaz.

MASA	AKTIVITI	CATATAN
10.00 pagi	Kuliah mengikut program di setiap jabatan. ➤ DKM,DEP,DKA dan DPM	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar mengikuti kuliah mengikut program masing-masing Kuliah berbentuk teori/praktikal/bengkel kemahiran
1.00 petang	REHAT	<ul style="list-style-type: none"> Solat Zohor berjemaah Makan tengah hari Persiapan untuk menghadiri kuliah sesi petang
2.00 petang	Kuliah mengikut program di setiap jabatan. ➤ DKM,DEP,DKA dan DPM	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar mengikuti kuliah mengikut program masing-masing Kuliah berbentuk teori/praktikal/bengkel kemahiran
4.30 petang	REHAT	<ul style="list-style-type: none"> Solat Asar berjemaah Melancarkan bacaan ayat-ayat yang akan dihafal Murajaah hafazan
5.30 petang	Riadah/santai	<ul style="list-style-type: none"> Bersukan di kompleks sukan PSA Melakukan aktiviti-aktiviti santai
7.00 – 9.00 malam	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Solat Maghrib ➤ Hafazan al-Quran ➤ Solat Isyak 	<ul style="list-style-type: none"> Solat secara berjemaah di Pusat Islam PSA Membuat hafazan baru untuk tasmik pada keesokan hari
9.00 malam	Hafazan al-Quran/ Ulangkaji pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> Membuat hafazan baru Ulangkaji pelajaran Melaksanakan tugas pengajian yang berkaitan.
11.00 malam	Hemat diri/ Tidur	<ul style="list-style-type: none"> Membuat persiapan untuk menjalani rutin esok hari



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

CABARAN PELAJAR TECHNO HUFFAZ


Setiap pelajar perlu bersedia dengan sebarang ujian dan cabaran sepanjang berada dalam komuniti Techno Huffaz di PSA. Namun, cabaran-cabaran itu pasti dapat ditangani dengan adanya perancangan yang baik.

1) Jadual pengajian yang padat.

- Pelajar Techno Huffaz perlu mengimbangi masa untuk pengajian tafhiz dan diploma secara seretak.
- Pengurusan masa yang baik sangat penting supaya para pelajar dapat memberikan komitmen terhadap proses hafazan al- Quran.

2) Sistem pengajian pasca pandemik.

- Pilihan medium pengajian segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*) dengan pendekatan platform digital yang pelbagai.
- Pelajar Techno Huffaz serta pensyarah perlu menguasai dunia digital supaya kekal relevan dalam arus perdana pendidikan.



3) Suasana menghafal al-Quran.

- Komuniti penghafal al-Quran di PSA adalah kecil dan menjadi tanggungjawab pelajar Techno Huffaz membentuk suasana menghafal al-Quran agar kekal bermotivasi dan lebih semangat untuk menghafal.



02

AMALAN HAFAZAN AL-QURAN TECHNO HUFFAZ PSA

KESIMPULAN

Pembelajaran tahfiz perlu mempunyai sistem pengajian yang teratur. Program Techno Huffaz PSA telah disusun dengan sistem pengajian bersepadu melalui sistem pengajian Diploma Politeknik dan sistem pengajian Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-Politeknik. Perancangan dan pelaksanaan yang baik melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dalam bidang kepakaran mengikut bidang masing-masing di samping dapat membentuk keperibadian yang unggul serta berkebolehan dalam lapangan keagamaan.

Al-Quran mendapat jaminan pemeliharaan daripada Allah SWT dan akan terus dipelihara sehingga kiamat. Sebagai khalifah, perlu memakmurkan bumi dengan Al-Quran. Baca, hafal, faham dan amalkan.



Panduan Hafazan Techno Huffaz

4 members

Jom berinteraksi! Sila klik atau imbas



Scan Me

03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN

*Intipati
Topik*

1. Persediaan dan proses menghafal al-Quran
2. Cadangan kaedah dan teknik-teknik menghafal al-Quran
3. Tips pengukuhan hafazan





03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN

PENDAHULUAN

Menghafal al-Quran bukan suatu perkara yang mudah. Proses menghafal memerlukan ketekunan dan kaedah serta teknik yang berkesan. Jika tidak menggunakan teknik yang sesuai, proses ini akan memakan masa yang lama dan tenaga yang banyak. Walaupun menghafal al-Quran bukan pekerjaan yang mudah tetapi tidak mustahil untuk dilakukan. Kuncinya adalah formula dan kaedah yang tepat.

FORMULA MENGHAFAL

Kaedah-kaedah menghafal al-Quran dinyatakan dalam ruangan ini dan dibahagikan kepada beberapa formula untuk memudahkan pelajar memahami dan dapat mengikut langkah demi langkah.

> LANGKAH 1

IKHLASKAN NIAT DAN TEGUHKAN KEAZAMAN

- Ikhlas menghafal al-Quran kerana Allah SWT. Berbekalkan keikhlasan kepada Allah SWT berserta dengan usaha, impian untuk berjaya pasti akan dapat dikecapi.
- Teguhkah keazaman dalam diri. Rasa ingin menghafal sahaja tanpa azam yang kuat sukar untuk membawa kejayaan. Keazaman yang kukuh akan menghasilkan kekuatan serta kesabaran dalam menempuh segala rintangan proses menghafal al-Quran

03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



- Hadirkan keikhlasan dalam hati.

Firman Allah SWT dalam surah Az-Zumar ayat 2-3:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ
 الَّذِي تَبَرَّعْتُمْ بِهِ ۝ أَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ۝ الَّذِينَ أَخْلَصُوا
 اَللّٰهُوَّا لَهُ الْدِيْنُ اَخْلَاصُ اَللّٰهُوَّا

Maksud: "Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran ini kepadamu (wahai Muhammad) dengan membawa kebenaran; oleh itu hendaklah engkau menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat dan bawaanmu kepadaNya.(2) Ingatlah! (Hak yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah segala ibadat dan bawaan yang suci bersih..."

- Sentiasa berdoa agar diberikan keteguhan hati dan dijauhkan daripada keraguan ketika menghafal al-Quran.

Doa menghindari keraguan

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ
 الْوَهَّابُ ۝



"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya."

[Surah Ali Imran 3:8]

Jangan pernah merasa ragu-ragu untuk menghafal al-Quran kerana keraguan menjadi punca utama kepada kegagalan

03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



>

LANGKAH 2



PROSES BACAAN (TILAWAH)

- 1) Pastikan bacaan ayat-ayat yang ingin dihafal dibaca dengan betul dengan melihat mashaf.
 - Teliti dan raikan hukum tajwid.
 - Talaqi bacaan dengan guru untuk mendapatkan gambaran bacaan yang betul.
- 2) Mengulang bacaan sehingga lancar dan fasih.
 - Ulang baca ayat yang akan dihafal membantu untuk memudahkan proses mengingat.
 - Menghafal tanpa melancarkan bacaan terlebih dahulu akan mengambil masa yang panjang untuk proses hafazan.



Menghafal tanpa melancarkan bacaan memerlukan masa yang panjang untuk proses hafazan. Kesannya, otak kepenatan dan tumpuan terganggu.



03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN

PROSES BACAAN (TILAWAH)

3) Teliti struktur ayat dan tahu kandungan ayat yang akan dihafal.

- Mengimbas kedudukan ayat dan penggunaan perkataan.
- Meneliti ayat-ayat *mutasyabihat*.
- Faham isi kandungan ayat untuk mengingati susunan ayat.
(baca sambil lihat terjemahan)

4) Pilih masa yang sesuai untuk proses hafazan

- Tetapkan *target* bacaan ayat-ayat yang perlu dilancarkan supaya proses hafazan lebih tersusun.
- Gunakan masa selain masa menghafal untuk melancarkan bacaan. Masa menghafal yang praktikal bagi setiap penghafal al-Quran adalah berbeza.



TIPS MEMILIH MASA UNTUK BACAAN:

- Jika masa menghafal yang sesuai ialah selepas maghrib, maka proses melancarkan bacaan perlu dilakukan diluar waktu tersebut.
- Contoh: lancarkan bacaan selepas asar, kemudian mula menghafal selepas maghrib



03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



LANGKAH 3



PROSES HAFAZAN

1. Perancangan yang jelas dan teratur

- Memilih tempat persekitaran yang bagus supaya dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya ketika menghafal.
- Menetapkan masa yang sesuai supaya dapat digunakan secara optimum untuk menghafal.
- Menentukan target ayat-ayat yang akan dihafal.

2. Memilih kaedah atau Teknik yang betul

- Terdapat pelbagai kaedah menghafal al-Quran yang diamalkan oleh penghafal al-Quran di seluruh dunia seperti kaedah Turki, Pakistan, Deobandy, Afrika, Baghdadi dan sebagainya. Antara beberapa teknik umum yang boleh diamalkan oleh pelajar Techno Huffaz adalah seperti teknik rantaian, himpun dan bahagi .



TIPS MUSHAF

- Guna satu mushaf yang sama sehingga pengakhiran hafazan al-Quran (sepanjang pengajian).
- Mata yang merakam pandangan yang sama akan memudahkan proses menghafal.
- Dapat mengelakkan fokus terganggu.



03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN

Teknik Rantaian (*al-Hifz al-Tasalsuli*)

- ✓ Membaca ayat pertama hingga berjaya hafal.
- ✓ Membaca ayat kedua sehingga berjaya hafal.
- ✓ Kemudian membaca ayat pertama bersama ayat kedua.
- ✓ Berpindah membaca ayat ketiga sehingga berjaya hafal.
- ✓ Membaca ayat pertama, kedua dan ketiga. Dan seterusnya sehingga lancar.

Pastikan ayat setiap ayat dapat dihafal dengan lancar sebelum beralih kepada ayat berikutnya.

Lancarkan dahulu!

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ
لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰ
أَبْصَرِهِمْ غَشْوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٢﴾ وَمِنَ النَّاسِ
مَنْ يَقُولُ إِنَّا مُمْسِكُوُنَا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾
يُخَدِّعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يَخْدِعُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ
وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٤﴾ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَرَادُهُمُ اللَّهُ مَرَضًا
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿٥﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ
لَا نُفْسِدُ وَفِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿٦﴾

Teknik Himpun (*al-Hifz al-Jam'i*)

- ✓ Menghafal ayat pertama sehingga dapat diingat.
- ✓ Menghafal ayat kedua.
- ✓ Menghafal ayat ketiga dan seterusnya sehingga ayat terakhir.
- ✓ Kemudian menghimpunkan kesemua ayat dan diulang sehingga lancar.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ
لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰ
أَبْصَرِهِمْ غَشْوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٢﴾ وَمِنَ النَّاسِ
مَنْ يَقُولُ إِنَّا مُمْسِكُوُنَا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾
يُخَدِّعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يَخْدِعُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ
وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٤﴾ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَرَادُهُمُ اللَّهُ مَرَضًا
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿٥﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ
لَا نُفْسِدُ وَفِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿٦﴾

03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



Teknik Pembahagian (al-Hifz al-Muqsim)

- ✓ Bahagikan ayat-ayat yang ingin dihafal kepada beberapa bahagian.
- ✓ Membaca bahagian pertama sehingga dapat menghafal dengan lancar.
- ✓ Setelah lancar hafazan pada bahagian pertama, baca bahagian kedua sehingga dapat dihafal dengan lancar.
- ✓ Kemudian, membaca hafazan bahagian pertama dan kedua sehingga lancar
- ✓ Berpindah membaca bahagian tiga sehingga dapat menghafal dengan lancar.
- ✓ Kemudian membaca hafazan bahagian pertama, kedua dan ketiga sekaligus sehingga lancar.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوْءٌ عَلَيْهِمْ أَنذَرْتَهُمْ أَنَّمَا لَمْ تُنذِرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ١ خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰ أَبْصَرِهِمْ غَشْوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ٢ وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ إِنَّمَا يُنَذِّرُ اللَّهُ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ٣

يُخَدِّغُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخْدِغُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ ٤ وَمَا يَشْعُرُونَ ٥ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا ٦ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٧ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُضْلِّوْنَ ٨

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ ٩ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنَّمِنْ كَمَا آمَنَ السَّفَهَاءُ ١٠ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السَّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ ١١ وَإِذَا لَقُوا

الَّذِينَ مَاءَمُوا قَالُوا أَءَاءَنَا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ سَيِّطِنِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا تَحْكُمُ مُسْتَهْرِئُونَ ١٢ أَلَهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَنْذِهُمْ فِي طُعَيْنِهِمْ يَعْمَهُونَ ١٣ أُولَئِكَ الَّذِينَ أَشْرَوْا الصَّلَةَ بِالْهَدَىٰ فَمَا رَحِتَ تَجْرِيْهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ١٤



TIPS MEMILIH KAEADAH HAFAZAN:

- Pilih kaedah yang bersesuaian dengan diri sendiri
- Jika kaedah pertama tidak berjaya, pilih kaedah kedua dan seterusnya sehingga jumpa kaedah yang serasi dengan diri sendiri.
- Jangan takut mencuba. Eksperimen diri sendiri.

03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



PROSES HAFAZAN

3. Mengukuhkan hafazan

- Memperdengar hafazan di hadapan rakan. Amalan ini amat digalakkan untuk memastikan hafazan pelajar berada pada tahap terbaik sebelum sesi *tasmik*.
- Membaca ayat-ayat hafazan di dalam solat.
- Menulis ayat-ayat al-Quran yang telah dihafal.
- Menyertai pertandingan.

PRAKTIK

- ❑ Mengimamkan solat dengan membaca ayat-ayat yang telah dihafal serta solat dibelakang imam seorang penghafal al-Quran.
- ❑ Membawa mashaf kecil ke mana sahaja anda pergi atau muat turun aplikasi al-Quran pada telefon pintar.
- ❑ Menghayati ayat-ayat al-Quran yang dihafal dengan sesi *tadabbur*.
- ❑ Sentiasa memperbaiki mutu bacaan al-Quran supaya dapat dialunkan dengan baik.
- ❑ Mendengar bacaan imam-mam dan qari-qari menerusi MP3, Youtube dan sebagainya



Panduan Hafazan Techno Huffaz

4 members

Jom berinteraksi! Sila klik atau imbas



Scan Me



03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



LANGKAH 4



PENULISAN AYAT HAFAZAN

1. Tulis ayat-ayat al-Quran yang telah dihafal mengikut sukatān yang telah ditetapkan.

- Kemampuan membaca ayat yang dihafal mesti selari dengan kemampuan untuk menulis semula ayat tersebut.
- Latihan untuk menduduki peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri.
- Penulisan menggunakan kaedah *Rasm Uthmani* dan mengikut sepertimana dalam mushaf termasuk kedudukan ayat, tempat wakaf, nama surah dan nombor ayat.



2. Tulis untuk mengukuhkan hafazan.

- Memastikan ayat yang dihafal dapat dibaca dengan teliti semasa sesi tasmik.
- Kedudukan ayat, baris dan bentuk perkataan dapat diingat dengan lebih tepat dan kukuh.
- Jangan terburu-buru ketika menulis ayat-ayat al-Quran.
- Masa yang terbaik untuk menulis ialah selepas menghafal ayat-ayat tersebut.

**Lihat. Baca. Hafal. Kemudian Tulis.
Gabungan lengkap untuk memantapkan hafazan al-Quran**



03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



LANGKAH 5

PROSES TASMIK

1. Melancarkan hafazan sebelum sesi tasmik.

- Menyemak bacaan dengan rakan terlebih dahulu dan perbetulkan bacaan jika ada kesalahan.
- Berterusan mengulang bacaan sehingga sesi tasmik.

2. Memperdengar hafazan dengan bersungguh-sungguh.

- Mengalunkan bacaan dengan baik di hadapan pensyarah.
- Membaca secara tadwir (kelajuan yang sederhana).
- Memberi tumpuan sepenuhnya ketika sesi tasmik.
- Menjaga dan meraikan hukum tajwid.

3. Memberi perhatian terhadap teguran kesalahan daripada pensyarah.

- Perbetulkan kesalahan jika ada teguran daripada pensyarah.
- Tanda kesalahan tersebut di dalam mashaf supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama.
- Bertanya kepada pensyarah jika wujud kekeliruan dalam bacaan.



TIPS TASMIK:

- Baca dalam keadaan tenang. Jangan terburu-buru.
- Berikan perhatian terhadap ayat-ayat mutasyabihat.
- Memperdengar bacaan dengan suara yang jelas.
- Rakam hafazan kemudian dengar semula sebelum tasmik.



03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



LANGKAH 5



ULANGAN HAFAZAN (MURAJA'AH)

1. Ulangan hafazan baharu.

- Menetapkan masa untuk melakukan ulangan sama ada secara bersendirian, bersama rakan atau pensyarah.
- Melakukan ulangan terhadap hafazan yang telah diperdengarkan kepada pensyarah (tempoh seminggu) dalam minggu yang sama.
- Mencatat setiap ulangan yang telah dibuat untuk dijadikan rujukan untuk sesi ulangan akan datang.
- Jumlah maksimum dikira sebagai ulangan hafazan baharu adalah 1 juzuk (tempoh seminggu).

2. Ulangan hafazan lama.

- Membuat perancangan untuk melakukan ulangan sama ada secara bersendirian, bersama rakan atau pensyarah.
- Melakukan ulangan terhadap baki hafazan yang telah diperdengarkan kepada pensyarah yang telah melebihi tempoh seminggu.
- Pelajar perlu melakukan ulangan hafazan lama apabila hafazan baharu telah mencapai 1 juzuk.

Sentiasa melihat sepintas lalu ayat yang dihafal (imbasan)

Cari teman untuk muraja'ah

Konsisten dan berdisiplin

Sentiasa bawa mushaf



03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN



➤ Contoh pelaksanaan muraja'ah:

Ulangan Hafazan Baharu	Ulangan Hafazan Lama
<ul style="list-style-type: none"> Pelajar berjaya tasmik 10 muka surat bermula hari isnin sehingga khamis. Pada hari jumaat (keesokan) perlu membuat ulangan 10 muka surat tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar Berjaya tasmik 10 muka surat pada minggu lepas. Pada hari isnin minggu baharu, perlu membuat ulangan 10 muka surat tersebut
<ul style="list-style-type: none"> Setiap hafazan yang telah melalui sesi tasmik perlu dibuat pengulangan dalam minggu yang sama. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar telah mencapai hafazan sebanyak 5 juzuk. Pada minggu berikutnya perlu membuat ulangan contohnya: <ul style="list-style-type: none"> • Isnin: Ulangan juzuk 1 • Selasa: Ulangan juzuk 2 • Rabu: ulangan juzuk 3, • dan seterusnya mengikut susunan dan perancangan.

3. Merekod pelaksanaan muraja'ah.

- Setiap ulangan hafazan yang telah dilaksanakan perlu direkod supaya dapat mengetahui tempoh yang diperlukan untuk mengulang kembali ayat tersebut.
- Rekod boleh dibuat dengan menyediakan buku catatan atau menulis pada buku atau borang yang telah disediakan oleh pensyarah.



Panduan Hafazan Techno Huffaz

4 members

Jom berinteraksi! Sila klik atau imbas



Scan Me



03

FORMULA HAFAZAN AL-QURAN

KESIMPULAN

Perancangan yang rapi dan kaedah yang betul menjadi aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh pelajar. Menggunakan pendekatan yang sesuai akan melancarkan proses hafazan. Tambahan pula pelajar Techno Huffaz perlu mengimbangi dua sistem pengajian pada satu masa yang sama. Jika pelajar dapat menempuh kedua-duanya dengan baik, ciri holistik yang menjadi teras dalam kemenjadian pelajar akan dapat direalisasikan.

Pengorbanan masa dan tenaga menjadi taruhan untuk membentuk disiplin yang menjadi perisai untuk menempuh segala cabaran bagi mencapai kejayaan sebagai huffaz al-Quran.

- **Muraja'ah:** Sama erti dengan i'adah iaitu proses pengulangan ayat-ayat al-Quran yang telah dihafal.
- **Ayat Mutasyabihat:** Ayat-ayat yang boleh mendatangkan kekeliruan disebabkan oleh wujud pengulangan ayat yang sama (seakan sama) pada kedudukan/tempat yang berbeza.

Faham Istilah



ADAB-ADAB PENGHAFAL AL-QURAN

*Intipati
Topik*

1. Keutamaan serta keistimewaan menghafal al-Quran
2. Adab-adab seorang penghafal al-Quran





04

ADAB-ADAB PENGHAFAL AL-QURAN

PENDAHULUAN

Seorang penghafal al-Quran memiliki kedudukan istimewa di sisi Allah SWT. Oleh yang demikian, Golongan hafiz al-quran dituntut untuk menjaga adab-adab selari dengan keistimewaan yang dijanjikan. Dinyatakan disini beberapa adab yang boleh djadikan panduan untuk diamalkan oleh pelajar-pelajar Techno Huffaz.

KEUTAMAAN MENDAMPINGI AL-QURAN

1) Menjadi bekalan di akhirat kelak.

➤ Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِحْرَةً لَنْ تَبُورَ ۝ لِيُوَفِّيهِمْ أُجُورَهُمْ وَيُزِيدَهُمْ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ۝

Maksud: "Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah swt dan mendirikan sembahyang dan menafkahkan sebagian dari rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugikan. Agar Allah swt menyempurnakan kepada mereka pahala mereka dan menambah kepada mereka dari anugerah-Nya. Sesungguhnya Allah swt Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri."

Surah Faatir 35: 29-30

**Dampingi al-quran. Baca dan fahami.
Semoga menjadi teman di alam kubur
dan sebagai syafaat di Hari Akhirat.**



04

ADAB-ADAB PENGHAFAL AL-QURAN

3) Mendapat syafaat di Hari Kiamat nanti

➤ Sabda Rasulullah SAW:

أَفْرِعُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksud: Bacalah Al-Quran. Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya.

[Hadis Riwayat Muslim: 1910]

4) Dijanjikan pahala dan ganjaran yang berganda

➤ Sabda Rasulullah SAW:

**مَنْ قَرَا حِرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لَا أَفُولُ الْمَ حِرْفُ
وَلَكِنْ أَلِفُ حِرْفٌ حِرْفٌ وَلَامٌ حِرْفٌ وَمِيمٌ حِرْفٌ**

Maksud: Sesiapa yang membaca satu huruf daripada Al-Quran maka baginya kebaikan. Dan kebaikan itu sama seperti 10 kali ganda. Aku tidak katakan **الْم** itu satu huruf akan tetapi Alif satu huruf,Lam satu huruf dan Mim satu huruf.

[Hadis Riwayat Al-Tirmizi: 2910]

5) Mendapat kemuliaan dan keredhaan daripada Allah SWT

➤ Sabda Rasulullah SAW:

**يَجِيءُ الْقُرْآنُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيَقُولُ يَا رَبِّ حَلِهِ فَيُلْبِسُ تَاجَ الْكَرَامَةِ ثُمَّ يَقُولُ يَا رَبِّ زِدْهُ
فَيُلْبِسُ حُلَّةَ الْكَرَامَةِ ثُمَّ يَقُولُ يَا رَبِّ ارْضَ عَنْهُ فَيُرْضَى عَنْهُ فَيُقَالُ لَهُ أَفْرَا وَارِقَ وَتُزَادُ
بِكُلِّ آيَةٍ حَسَنَةً**

Maksud: Al-Quran akan datang pada hari kiamat kelak. Lalu ia berkata : Wahai Tuhan pakaikanlah (pakaian) kepadanya. Maka orang tersebut dipakaikan mahkota kemuliaan. Kemudian Al-Quran berkata lagi : Wahai Tuhan,tambahkanlah. Maka orang tersebut dipakaikan dengan pakaian kemuliaan. Kemudian Al-Quran berkata : Wahai Tuhan redhalah terhadapnya. Maka Allah pun redha kepada orang tersebut. Disebut kepadanya : Bacalah Al-Quran dan naiklah. Maka ditambahkan bagi setiap ayat satu kebaikan.

[Hadis Riwayat Al-Tirmizi: 2839]



ADAB-ADAB PENGHAFAL AL-QURAN

ADAB MENGHAFAL AL-QURAN

1) Berada dalam keadaan bersedia

- Berpakaian bersih dan menutup aurat.
- Menjaga kebersihan gigi dan mulut.
- Berada dalam keadaan berwuduk.
- Memilih tempat yang bersih dan tenang.
- Memilih mashaf yang sesuai.

Sebelum menghafal pastikan diri tidak berada dalam keadaan yang terlalu kenyang dan tidak terlalu lapar.

2) Menjaga adab sebelum menghafal al-Quran

- Menghadap ke arah kiblat ketika menghafal al-quran
- Memulakan proses hafazan dengan bacaan *isti'azah* dan *basmalah*.
- Menutup aurat.
- Meninggikan kedudukan al-Quran.
- Berdoa agar dipermudahkan urusan menghafal al-Quran.
- Berkeyakinan penuh dengan rahmat Allah SWT terhadap orang yang menghafal al-Quran

3) Menjaga adab semasa menghafal al-Quran

- Khusyuk ketika mengalunkan ayat-ayat al-Quran
- Melancarkan bacaan dan memastikan tiada kesalahan pada baris, kedudukan huruf, *wakaf* dan *ibtida'*,
- Memulakan hafazan setelah selesai melancarkan bacaan.
- Memperelokkan suara ketika membaca al-Quran.

PENTING!

Jangan menghafal dalam keadaan mengantuk. Ambil masa rehatkan badan, tenangkan minda.



04

ADAB-ADAB PENGHAFAL AL-QURAN

ADAB MENGHAFAL AL-QURAN

4) Berakhlak mulia

- Menjaga hubungan dengan ibu-bapa
- Menghormati guru
- Menjaga hubungan dengan rakan-rakan
- Menjadi contoh kepada orang lain selain penghafal al-quran.

5) Menjauhi dosa dan maksiat

- Sentiasa berdoa memohon keampunan kepada Allah SWT.
- Menjaga ketaatan kepada Allah SWT.
- Menjauhi makanan yang haram.
- Menghindari segala perkara yang syubhah.



**Kecanggihan teknologi membantu untuk
membudayaakan bacaan al-Quran
walau di mana sahaja kita berada.**



04

ADAB-ADAB PENGHAFAL AL-QURAN

KESIMPULAN

Al-Quran merupakan kitab agung yang perlu dipelihara kesucian dan keagungannya sama ada dari aspek penjagaan, pembacaan, penghormatan dan penghayatan. Membaca al-Quran tidak seperti perbuatan yang biasa dilakukan sebaliknya mempunyai adab-adab dan tatacara yang perlu diamalkan sesuai dengan ganjaran yang dijanjikan bagi sesiapa yang berdampingan dengan al-Quran.

Doa membaca al-Quran

اللَّهُمَّ ارْحَمْنَا بِالْقُرْءَانِ وَاجْعَلْنَاهُ إِمَامًا وَنُورًا وَهُدًى وَرَحْمَةً اللَّهُمَّ
ذَكِّرْنَا مِنْهُ مَا نُسِينَا وَعَلِمْنَا مِنْهُ مَا جَهَلْنَا وَارْزُقْنَا تِلَاوَتَهُ إِنَّا
إِلَيْكَ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ وَاجْعَلْنَاهُ لَكَ حُجَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ



Panduan Hafazan Techno Huffaz

4 members

Jom berinteraksi! Sila klik atau imbas



Scan Me

RUJUKAN

Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Basit Samat (2005). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.

An-Nawawi (2018). *At-Tibyan Fi Adab Hamalah Al-Quran: Adab Pembaca Al-Quran*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz Al-Quran (2019). Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.

Mohd Solleh Ab. Razak (2011). *Sehingga Al-Quran Terpahat di Hati*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Muhammad Sofiyuddin Zakaria, Masitah Mohd Ali, Siti Noryanie Yusoff (2021). *Penggunaan Media Pembelajaran Digital dalam Pengajaran Techno Huffaz PSA Era Pandemik*. 5th Asia Pasific Conference and Educational Management and Leadership (APCEMal 2021).

Sejarah & Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Malaysia Edisi Ke-2 (2020). Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.

Sheikh Abdullah Basmeih (2018). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Kuala Lumpur. Darul Fikir.

Solahuddin Ismail (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. Memperkasa Generasi Penghafal Al-Quran. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.

Zainora Daud, Hayati Hussin, Muhammad Lukman Ibrahim, Abdul Rahim Ahmad, Nurfatihah Mohd Dzahir (2016): *Penghayatan Konsep Hamlah Al-Quran dari Perspektif Adab dan Akhlak dalam kalangan Huffaz: Satu Kajian untuk Pengukuhan Hafazan*. Memperkasa Generasi Penghafal Al-Quran. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.

Zainora Daud, Muhammad Arif Musa (2021). *Cabaran dan Kekangan dalam Pengajian Tahfiz Separuh Masa*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, Vol. 5.

Portal Terjemahan Ayat al-Quran <https://www.surah.my/>

Portal MyHadith JAKIM <https://myhadith.islam.gov.my/index.php/bm/>

Portal Hadith UITM <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>

Gambar:

<https://www.istockphoto.com/photos/al-quran>

<https://www.freepik.com/vectors/islamic-al-quran>


<https://www.pinterest.com/shaheen777sk/beautiful-quran/>

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

It is certainly We Who have revealed the Reminder, and it is certainly We Who will preserve it.

Surah al-Hijr : 9



UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Persiaran Usahawan, Seksyen U1,

40150 Shah Alam

Selangor

Telephone No. : +603 5163 4000

Fax No : +603 5569 1903

